

Komputer milik Perdana Menteri dilelong

BH - 4 SEP 2001

PETALING JAYA, Isnin – Orang ramai berpeluang memiliki komputer kepunyaan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menerusi jualan lelong secara 'online' bermula 30 Ogos lalu hingga 5 September ini.

Jualan lelong itu dianjurkan www.lelong.com.my dengan kerjasama Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) dan Jabatan Perdana Menteri.

Pengurus Pembangunan Perniagaan Interbase Resources Sdn Bhd, Ling Tau Chuin, berkata selain dua komputer peribadi jenis Apple Quadra 840 AV dan NEC Power Mate, sebuah pencetak laser Apple IIG dan sebuah laptop Toshiba model T 2000 SX milik Perdana Menteri juga dilelong.

Ling berkata, 10 buku yang ditandatangani oleh Dr Mahathir bertajuk *'The Malaysian Currency Crisis-How and Why It Happened'* dan *'A New Deal for Asia'* turut dilelong.

Lelongan itu diadakan sempena Ekspo Multimedia Asia-Koridor Raya Multimedia (MSC) yang akan bermula 7 hingga 9 September ini di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

"Jualan lelong ini terbuka kepada semua rakyat yang berdaftar sebagai ahli dengan www.lelong.com.my.

"Peserta yang berjaya membeli peralatan komputer itu secara online, akan menerima sijil yang disampaikan sendiri Perdana Menteri pada majlis perasmian ekspo berkenaan 7 September ini," katanya dalam sesi pengambilan gambar komputer Apple di pejabat www.lelong.com.my di sini, hari ini.